

# MT putuskan jawatankuasa bahagian dibubar — Abdullah

Oleh **UM - 1 AUG 2003**  
AZNAN BAKAR dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 31 Julai — Majlis Tertinggi (MT) UMNO memutuskan semua jawatankuasa bahagian akan dibubar dan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja yang kemungkinan menyaksikan kemunculan muka baru.

Titnbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembubaran itu turut melibatkan Pengerahan Pemuda, Wanita dan Puteri.

“Kita telah bincang tadi dan telah dipersejajui bahawa semua bahagian akan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja.

“Semua bahagian terlibat sama ada (25) bahagian yang terlibat dalam persempadanan semula, yang baru dibuka atau yang lama,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT yang dipengerusikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

## Pembubaran

Abdullah berkata, petnuburan itu akan dilakukan apabila tiha masanya.

Menurut Abdullah, pemilihan ahli jawatankuasa penaja itu akan dilakukan oleh ibu pejabat parti berdasarkan kepada cadangan-cadangan daripada badan perhubungan UMNO negeri.

Sehubungan itu, beliau tidak menolak

kernungkinan akan ada muka-muka baru yang akan dilantik dalam jawatankuasa tersebut.

“Yang jadi jawatankuasa sekarang semuanya boleh dilantik untuk menjadi anggota jawatankuasa penaja atupun kita boleh juga tmasuk orang lain.

“Pelantikan akan diputuskan di peringkat pusat dan pihak negeri akan kemukakan cadangan-cadangan mereka,” jelasnya.

Pengumuman Abdullah itu telah menjelaskan kekeliruan sebelum ini mengenai penubuhan jawatankuasa penaja tersebut.

Sebelum ini ada pihak mengatakan penubuhan jawatankuasa tersebut hanya meli-

■ Lihat muka 4

# MT putuskan jawatankuasa bahagian dibubar — Abdullah

batkan 25 kawasan yang terlibat dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya sahaja.

Isu pembubaran dan jawatankuasa penaja itu turut disentuh dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UMNO semalam yang dipengerusikan oleh Abdullah.

Sementara itu Dr. Mahathir berkata, MT hari ini juga bersetuju supaya bakal calon pada pilihan raya akan datang perlu mengisytiharkan harta mereka.

Beliau juga meminta semua ahli UMNO supaya membuat persediaan rapi bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Katanya, bahagian dan cawangan perlu adakan pilihan raya olok-olok bagi membiasakan petugas UMNO dan memastikan mereka bergerak dengan sempurna.

Dr. Mahathir turut mengingatkan ahli-ahli MT supaya memikul tanggungjawab secara bersama terhadap sesuatu yang telah dilakukan termasuk oleh pemimpin yang terdahulu.

Selain itu kata beliau, MT turut menekankan pentingnya pemimpin-pemimpin parti mempunyai hubungan baik dengan pentadbir-pentadbir kerajaan.

Mesyuarat MT hari ini juga kata Dr. Mahathir turut merakamkan secara rasmi penghargaan kepada Allahyarham Pengerusi Tetap UMNO, Tun Sulaiman Ninam Shah yang meninggal dunia baru-baru ini.

Dr. Mahathir juga berkata, UMNO akan bertindak terhadap ahlinya yang menyertai Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM).

Bagaimanapun, parti hanya akan menentukan bentuk tindakan yang akan diambil selepas penjelasan diperoleh dan tujuan penubuhan PKPM itu diketahui.

“Kita percaya ada juga ahli UMNO yang terlibat dan mereka juga terpedaya kerana ada tawaran naik pangkat, boleh pegang jawatan itu ini, boleh pakai pingat, jadi seronok jugalah.

“Kita belum dapat penjelasan mengenai perkara ini secara mendalam jadi kita tak boleh tentukan apakah tindakan yang akan diambil,” katanya.